

HUBUNGAN ANTARA GAYA KEIBUBAAPAN DENGAN MASALAH  
PONTENG DI SEKOLAH RENDAH

SIVASANTHNI A/P RAMACHANDRAN

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi  
sebahagian syarat penganugerahan ijazah  
Sarjana Pendidikan (Psikologi Pendidikan)

Sekolah Pendidikan  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Teknologi Malaysia

OGOS 2021

## DEDIKASI

Dedikasi ini khas buat:

Ibu bapa yang memberi berkat dan restu:

***En. Ramachandran Nadesan & Pn. Thanaletchimi Perumal Naicker***

Suami yang selalu memberi komitmen yang tinggi:

***En. Kumaran Perumal***

Putera dan puteriku yang disayangi:

***Aarthi Kumaran, Aathan Kumaran, Aathinie Kumaran***

Ahli keluarga yang memahami dan memberi sokongan:

***Nagasubasini Ramachandran, Agileyswaran Ramachandran, Praba Krishnan,  
Saraswathy Raman & Kalyani Raman***

Sahabat dan warga sekolahku

## PENGHARGAAN

Bersyukur Kepada Tuhan Yang Maha Esa kerana dengan limpah kurnia-Nya memberikan diri ini kekuatan mental, fizikal dan emosi untuk meneruskan dan menyiapkan kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Prof. Madya. Dr. Azlina Binti Mohd Kosnin atas bimbingan, dorongan serta tunjuk ajar beliau saya dapat menyempurnakan laporan kajian ini. Segala perhatian serta sokongan moral yang beliau berikan sepanjang proses menjalankan kajian ini saya amat menghargai.

Ribuan terima kasih kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan semua Guru Besar di zon Paloh, Kluang atas kebenaran menjalankan kajian ini serta guru-guru dan murid-murid yang telah turut memberikan kerjasama dalam proses mengutip data bagi menyempurnakan penyelidikan saya.

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara gaya keibubapaan dengan masalah ponteng dalam kalangan murid sekolah rendah. Seramai 186 murid sekolah rendah telah terlibat dalam kajian ini. Kajian ini merupakan kajian berbentuk deskriptif dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian yang mengandungi tiga bahagian iaitu latar belakang responden, maklumat ponteng dan gaya keibubapaan. Instrumen kajian dalam kajian tinjauan ini menggunakan soal selidik yang disusun oleh (Buri, 1991) iaitu *Parental Authority Questionnaire* (PAQ) dirujuk dan diubahsuai mengikut tahap murid sekolah rendah. Maklumat ponteng diperolehi melalui surat amaran ponteng yang dikeluarkan. Seramai 47 orang murid pernah menerima Surat Amaran pertama, kedua dan ketiga selebihnya seramai 139 orang murid tidak pernah menerima surat amaran. Statistik deskriptif kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai digunakan untuk menganalisis jantina, tempat tinggal responden, pekerjaan ibu bapa responden, jenis surat amaran dan gaya keibubapaan yang paling dominan, statistik inferensi iaitu analisis rank-Spearman untuk menganalisis hubungan antara gaya keibubapaan dengan ponteng. Hasil kajian didapati gaya keibubapaan autoritatif merupakan gaya keibubapaan yang paling dominan dalam kalangan responden kajian ini. Manakala gaya keibubapaan pengabaian mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan tingkah laku ponteng. Kesimpulannya, ibu bapa harus memainkan peranan penting dalam memupuk tanggungjawab seorang ibu dan bapa yang baik dalam membimbing anak demi masa depan mereka.

## **ABSTRACT**

This study aimed to identify the relationship between parenting style and truancy problems among primary school students. A total of 186 primary school students were involved in this study. This study is a descriptive study using a questionnaire as a research instrument that contains three parts, namely the background of the respondents, truancy information and parenting style. The research instrument in this survey study uses a questionnaire compiled by (Buri, 1991) that is the Parental Authority Questionnaire (PAQ) is referenced and modified according to the level of primary school students. Truancy information is obtained through a truancy warning letter issued. A total of 47 students had received the first, second and third warning letters, the remaining 139 students had never received a warning letter. Descriptive statistics of frequency, percentage, mean and standard deviation were used to analyze gender, residence of respondents, occupation of respondents' parents, type of warning letter and most dominant parenting style, inferential statistics i.e. rank-spearman analysis to analyze relationship between parenting style and truancy. The results of the study found that authoritative parenting style is the most dominant parenting style among the respondents of this study. While neglect parenting style has a positive and significant relationship with truancy behavior. In conclusion, parents should play an important role in nurturing the responsibility of a good mother and father in guiding children for the sake of their future.

## SENARAI KANDUNGAN

TAJUK	MUKASURAT
<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
<b>DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xi</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiii</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xiv</b>
<b>SENARAI SIMBOL</b>	<b>xv</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xvi</b>
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	9
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Persoalan Kajian	11
1.6 Hipotesis Kajian	12
1.7 Kepentingan Kajian	13
1.8 Skop Dan Batasan Kajian	13
1.9 Kerangka Teori Kajian	14
1.10 Kerangka Konseptual Kajian	15
1.11 Definisi Konsep dan Operasional	16
1.11.1 Ponteng Sekolah	17
1.11.2 Gaya Keibubapaan	17
1.11.3 Murid	19
1.12 Kesimpulan	20

<b>BAB 2 KAJIAN LITERATUR</b>	<b>21</b>
2.1 Pengenalan	21
2.2 Konsep Dan Teori	21
2.2.1 Ponteng	22
2.2.2 Gaya Keibubapaan	23
2.2.3 Teori Gaya Keibubapaan Diana Baumrind (1960)	26
2.2.4 Model Maccoby Dan Martin	32
2.3 Hubungan Antara Gaya Keibubapaan Dengan Ponteng	34
2.4 Kesimpulan	40
<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>41</b>
3.1 Pengenalan	41
3.2 Reka Bentuk Kajian	42
3.3 Tempat Kajian	42
3.4 Populasi Dan Sampel	43
3.5 Instrumen Kajian	44
3.5.1 Butiran Diri Responden	44
3.5.2 Maklumat Ponteng	45
3.5.3 Gaya Keibubapaan	45
3.6 Proses Pengumpulan Data	47
3.7 Kajian Rintis	48
3.8 Analisis Data	50
3.9 Kesimpulan	51
<b>BAB 4 DAPATAN KAJIAN</b>	<b>52</b>
4.1 Pengenalan	52
4.2 Data Demografi	52
4.2.1 Jantina	53
4.2.2 Tempat Tinggal Responden	53
4.2.3 Pekerjaan Ibu Bapa	54
4.3 Analisis Persoalan Kajian	55
4.3.1 Berapakah peratus ponteng dalam kalangan murid	

sekolah rendah berdasarkan surat amaran?	55
4.3.2 Apakah jenis gaya keibubapaan yang diamalkan oleh bapa murid sekolah rendah yang paling dominan?	56
4.3.3 Apakah jenis gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu murid sekolah rendah yang paling dominan?	57
4.3.4 Ujian Normaliti	57
4.3.5 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan autoritatif bapa dengan ponteng?	59
4.3.6 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan autoritatif bapa dengan ponteng?	60
4.3.7 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan authoritarian bapa dengan ponteng?	60
4.3.8 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan authoritarian ibu dengan ponteng?	61
4.3.9 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan permisif bapa dengan ponteng?	62
4.3.10 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan permisif ibu dengan ponteng?	63
4.3.11 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan pengabaian bapa dengan ponteng?	63
4.3.12 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan pengabaian ibu dengan ponteng?	64
4.4 Kesimpulan	65
<b>BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN</b>	<b>66</b>
5.1 Pengenalan	66
5.2 Ringkasan Kajian	66
5.3 Rumusan Dapatan kajian	67
5.4 Perbincangan	69
5.4.1 Peratusan ponteng dalam kalangan murid sekolah rendah berdasarkan surat amaran	70
5.4.2 Gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa murid sekolah rendah yang paling dominan	71



5.4.3	Hubungan antara gaya keibubapaan autoritarian, autoritatif, permisif dan pengabaian dengan ponteng	72
5.5	Implikasi kajian	74
5.5.1	Implikasi kajian secara teoritikal	75
5.5.2	Implikasi kajian secara praktikal	76
5.6	Cadangan untuk kajian lanjutan	76
5.7	Penutup	77
	<b>RUJUKAN</b>	<b>78</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>84</b>

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKASURAT
1.1	Bilangan Kes Disiplin Pelajar Sekolah pada 2006-2010	4
1.2	Bilangan kes disiplin murid Sekolah Menengah dan Rendah 2010	4
2.1	Hubungan di antara empat jenis gaya keibubapaan dengan ponteng	33
3.1	Sekolah rendah di kawasan Zon Paloh Daerah Kluang pada tahun	43
3.2	Taburan Item dalam soal selidik	46
3.3	Skala Likert	46
3.4	Nilai Cronbach-Alpha bagi setiap jenis gaya keibubapaan	47
3.5	Nilai Cronbach-Alpha bagi item-item yang digunakan dalam kajian rintis	49
3.6	Jadual tahap nilai Cronbach-Alpha	50
3.7	Jadual interpretasi nilai pekali korelasi Guilford	51
4.1	Taburan Jantina Responden	53
4.2	Taburan Tempat Tinggal Responden	53
4.3	Taburan Pekerjaan Ibu bapa	54
4.4	Taburan Jenis Surat Amaran yang dikeluarkan	55
4.5	Taburan Gaya Keibubapaan Bapa	56
4.6	Min dan sisihan piawai bagi gaya keibubapaan ibu	57
4.7	Taburan Ujian Normaliti	58
4.8	Analisis hubungan korelasi antara gaya keibubapaan autoritatif bapa dengan ponteng	59
4.9	Analisis hubungan korelasi antara gaya keibubapaan autoritatif	60

4.10	Analisis hubungan korelasi antara gaya keibubapaan autoritarian	61
4.11	Analisis hubungan korelasi antara gaya keibubapaan autoritarian	61
4.12	Analisis hubungan korelasi antara gaya keibubapaan permisif bapa dengan ponteng	62
4.13	Analisis hubungan korelasi antara gaya keibubapaan permisif ibu dengan ponteng	63
4.14	Analisis hubungan korelasi antara gaya keibubapaan pengabaian bapa dengan ponteng	64
4.15	Analisis hubungan korelasi antara gaya keibubapaan pengabaian ibu dengan ponteng	65
5.1	Hubungan di antara empat jenis gaya keibubapaan dengan ponteng	68

## SENARAI RAJAH

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKASURAT</b>
1.1	Kerangka konseptual kajian hubungan gaya keibubapaan dengan ponteng	16
2.1	Schaefer's circumplex model of parenting (Schaefer, 1959)	24
2.2	Empat jenis gaya keibubapan	26

## SENARAI SINGKATAN

PAQ	-	Parenting Authority Questionnaire
APDM	-	Aplikasi Pangkalan Data Murid
SPSS	-	Statistical Package for Social Science
PSTBQ	-	Parenting Style and Truancy Behavior Questionnaire
HEM	-	Hal Ehwal Murid
PIBG	-	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PIPP	-	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan

## SENARAI SIMBOL

<i>F</i>	Kekerapan
%	Peratus
<i>M</i>	Min
<i>SP</i>	Sisihan Piawai
<i>R</i>	Nilai Korelasi
<i>P</i>	Nilai Signifikan

## SENARAI LAMPIRAN

### LAMPIRAN

### TAJUK

A	Surat Kelulusan Eras
B	Surat Pengesahan Status Pelajar
C	Surat Permohonan Kebenaran Menjalankan Kajian
D	Surat Kebenaran JPN Johor
E	Surat Pengesahan Maklumat Penyelidik

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.1 Pengenalan

Perkataan ponteng bukan lagi perkataan yang terasing bagi warga sekolah. Ponteng merupakan isu yang hangat diperbincangkan dalam kalangan warga pendidik di institusi pendidikan. Golongan celik huruf memandang agak serius terhadap isu ponteng yang berlaku di sekolah yang melibatkan murid-murid sekolah. Kadar kes ponteng di sekolah-sekolah Negeri Johor meningkat secara mendadak lebih-lebih lagi selepas perintah kawalan pergerakan disebabkan pandemik COVID 19. Menurut Kamus Dewan Pelajar, ponteng didefinisikan sebagai memonteng meninggalkan tugas, tanggungjawab dan pelajaran tanpa kebenaran. Salahlaku ponteng sebenarnya dijelaskan dengan lebih lanjut atau lebih jelas di dalam dasar pengurusan Hal Ehwal Murid dan peraturan sekolah.

Di negeri Johor, Jabatan Pendidikan Johor telah mengesan kes ponteng sebanyak 3,992 sejak awal tahun 2019. Kesemua kes yang dinyatakan melibatkan pelajar sekolah rendah dan menengah. ‘Program Ziarah Cakna’ telah dilancarkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Johor di sekolah-sekolah Negeri Johor pada 27 Januari 2019 bagi mengatasi masalah ponteng (*Berita Harian, 30 Jun 2019*). ‘Program Ziarah Cakna’ adalah suatu program lawatan pentadbir, guru disiplin, guru kaunseling dan guru kelas ke rumah murid untuk bertemu dengan ibu bapa dan penjaga bagi membincangkan dan mengambil tahu sebab sebenar ponteng sekolah.



Sekiranya seseorang murid tidak hadir ke sekolah tanpa sebarang kenyataan bersebab dianggap sebagai ponteng sekolah. Apabila seseorang murid tidak hadir ke sekolah 3 hari berturut-turut tanpa sebab, tindakan diambil oleh pihak sekolah dengan menghantar surat amaran pertama ke alamat pelajar berkenaan. Tindakan oleh pihak sekolah akan berlanjutan sehingga amaran ketiga sekiranya ibubapa atau penjaga tidak memberi respon.

Secara umum, ibu bapa merupakan penyebab yang paling utama dalam masalah ini. Ibu bapa merupakan faktor asas dalam membina satu sistem yang baik untuk membentuk anak-anak menjadi seorang insan yang berjaya. Ibu bapa harus mempunyai sikap prihatin dalam memastikan anak mereka hadir ke sekolah setiap hari. Segala keperluan anak menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk disediakan. Murid-murid bersekolah untuk mendapatkan ilmu. Sehubungan dengan itu, setiap ibu bapa digalakkan untuk mempunyai sikap optimistik di dalam apa situasi demi kebaikan mahupun kesejahteraan anak masing-masing. Ibu bapa memainkan peranan penting dan utama dalam menentukan halatuju setiap anak perlu berada di landasan yang benar dan betul. Justeru, setiap ibu bapa juga menghulurkan sumbangan yang amat besar dalam menzahirkan setiap anak agar mempunyai sikap positif setiap masa. Setiap ketua keluarga perlu sedar bahawa gejala ponteng merupakan masalah salah laku atau masalah disiplin yang perlu diberi perhatian yang serius kerana ia boleh memberi implikasi buruk terhadap usaha-usaha pembentukan insan yang sempurna. Lantaran itu, permasalahan tersebut telah mengakibatkan keresahan dalam kalangan pendidik. Berbagai-bagai langkah inisiatif telah digariskan untuk mengelakkan permasalahan tersebut daripada berlaku lagi.

Berdasarkan kepada Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010, diri pelajar harus dilengkapi dengan nilai yang tinggi dalam supaya pelajar-pelajar berupaya menjadi pemimpin berkesan dalam keluarga dan masyarakat. Dalam Pembinaan Modal Insan turut merancang untuk menangani masalah sosial dengan menjalankan pelbagai program pembangunan insan melalui pendedahan nilai-nilai moral kepada pelajar.

Generasi muda adalah aset yang berharga. Mereka adalah tiang harapan seluruh masyarakat dan nusa. Pada masa hadapan, merekalah bakal pembawa obor perjuangan pemimpin kita. Persoalannya, adakah mereka bersedia untuk menyahut seruan tersebut? Generasi muda sekarang diharapkan untuk membina masyarakat dan negara yang maju. Keluarga merupakan institusi sosial yang berfungsi secara dominan untuk mengembangkan dan membangunkan modal insan yang berguna untuk negara. Peranan keluarga amat berperanan dalam menentukan sahsiah dan tingkah laku setiap murid (Suboh, Azizi & Hamzah, 2011). Sekiranya ibu bapa menunjukkan contoh teladan dan sikap yang baik dalam membentuk anak-anak menjadi insan yang berjaya.

## 1.2 **Latar Belakang Kajian**

Isu ponteng mempengaruhi pelajar di semua peringkat institusi pendidikan. Di sekolah menengah masalah ini dipandang dalam sudut salah laku disiplin. Menurut Nosiah (2014), pelajar yang ponteng di sekolah menengah lebih gemar untuk melibatkan diri dalam kegiatan merayau di pusat hiburan dan membeli belah, menyertai kegiatan gengsterisme dan sebagainya. Kancas negatif ini mendesak kepada kewujudan masalah sosial dan menyebabkan pelajar-pelajar ketinggalan dalam pelajaran. Menurut Joacim Ramberg et al., (2019), ponteng merupakan pelbagai konsep yang berbeza digunakan untuk menerangkan dan menentukan ketidakhadiran pelajar ke sekolah, seperti ketidakhadiran yang tidak dibenarkan, ponteng sekolah dan ketidakhadiran tanpa izin. Ponteng sekolah boleh didefinisikan sebagai ketidakhadiran yang tidak diizinkan atau tidak didokumentasikan.

Berdasarkan data statistik Sektor Pengurusan Kaunseling dan Disiplin Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pelajaran Malaysia dalam Jadual 1.1 dan 1.2, kes masalah ponteng yang dilaporkan adalah tinggi jika dibandingkan dengan jenis salah laku yang lain.

**Jadual 1.1 Bilangan Kes Disiplin Pelajar Sekolah pada 2006-2010**

Bil	Jenis salah laku	2006		2007		2008		2009		2010	
		Bil. murid	%	Bil. murid	%	Bil. murid	%	Bil. murid	%	Bil. murid	%
1	Tingkah laku Berunsur Jenayah	17668	0.34	19947	0.35	16452	0.35	17518	0.32	17595	0.32
2	Berunsur Lucah	2028	0.05	3792	0.05	3138	0.04	2915	0.05	3031	0.06
3	Kurang Sopan	19620	0.37	23214	0.43	22921	0.42	20808	0.38	18346	0.34
4	Laku Musnah	3843	0.07	3625	0.06	3949	0.07	3979	0.07	5212	0.10
5	Kekemasan Diri	14739	0.28	14900	0.27	15672	0.29	20361	0.37	21384	0.39
6	Ponteng Sekolah	24227	0.46	21134	0.39	20363	0.37	20286	0.37	19545	0.36
7	Kenakalan	14474	0.28	8519	0.16	8523	0.16	9797	0.18	8563	0.16
8	Tidak Pentingkan Masa	14716	0.28	18425	0.34	18348	0.34	16314	0.30	17808	0.33

**Jadual 1.2 Bilangan kes disiplin murid Sekolah Menengah dan Rendah 2010**

Bil	Jenis salah laku	Sekolah Rendah		Sekolah Menengah		Jumlah	Peratus mengikut kategori salah laku
		Bil. murid	%	Bil. murid	%		
1	Tingkah laku Berunsur Jenayah	8677	0.16	8918	0.16	17595	15.7
2	Berunsur Lucah	1579	0.03	1452	0.03	3031	2.7
3	Kurang Sopan	4436	0.08	13910	0.26	18346	16.5
4	Laku Musnah	2001	0.04	3211	0.06	5212	4.7
5	Kekemasan Diri	6657	0.12	14727	0.27	21384	19.2
6	Ponteng Sekolah	8313	0.15	11232	0.21	19545	17.5
7	Kenakalan	3878	0.07	4685	0.09	8563	7.7
8	Tidak Pentingkan Masa	3386	0.06	14422	0.27	17808	16.0

Sumber: Sektor Pengurusan Kaunseling dan Disiplin Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Mengikut statistik dalam artikel surat khabar (*Sinar Harian*, 18 Januari 2019), seramai 111,895 murid didapati terlibat dengan gejala salah laku disiplin di sekolah.

Daripada jumlah kes disiplin yang dilaporkan, 16,849 murid sekolah rendah dan 95,046 pelajar sekolah menengah. Pada tahun 2016, ponteng sekolah adalah isu utama dalam salah laku disiplin murid sekolah rendah. Di Malaysia, kes ponteng yang dilaporkan dalam kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah sangat tinggi. Pelbagai langkah pencegahan telah diambil untuk mengatasi masalah ini. Namun, isu ponteng sekolah terus kekal dan ia menjadi isu disiplin utama dengan mencatatkan sebanyak 1.4 peratus bersamaan dengan 67,053 murid daripada lebih kurang lima juta murid sekolah rendah dan sekolah menengah di seluruh negara berdasarkan rekod Kementerian Pendidikan pada tahun 2017.

Murid-murid di bawah umur 12 tahun tidak hadir ke sekolah tanpa sebab. Dalam hal ini, ibu bapa seharusnya bertanggungjawab dalam memastikan kehadiran anak ke sekolah. Pihak sekolah mewajibkan ibu bapa untuk memaklumkan ketidakhadiran anak ke sekolah berserta dengan sebab. Ketidakhadiran murid dikemaskini dalam Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) pada setiap hari. Ketidakhadiran murid direkodkan dengan sebab yang diberikan oleh ibu bapa. Sebaliknya ketidakhadiran tanpa sebab dikategorikan sebagai ponteng.

Justeru, kajian terhadap isu ponteng dalam kalangan murid sekolah rendah amat perlu kerana masalah ini merupakan penyebab atau pemangkin kepada berlakunya kes-kes salah laku yang lain. Isu ponteng banyak dikaji dari sudut sekolah menengah. Tetapi masalah ponteng ini juga sedang menular dalam kalangan murid sekolah rendah. Gejala ponteng ini berlaku disebabkan pelbagai faktor. Faktor sikap pelajar, faktor ibu bapa, faktor persekitaran sekolah, faktor sosio-ekonomi dan faktor persekitaran merupakan antara faktor yang menjadi penyebab utama masalah ponteng (Nosiah, 2014). Tambahan pula, ponteng sekolah telah terbukti mempunyai hubungan yang berpanjangan dengan hasil negatif sepanjang hayat. Sebagai contoh, kajian yang mengawal sebilangan faktor individu dan persekitaran menunjukkan bahawa ponteng sekolah dikaitkan dengan peningkatan risiko melakukan beberapa bentuk jenayah yang berlainan di masa hadapan (Bennett, Mazerolle, Antrobus, Eggins, & Piquero, 2018; Rocque et al., 2017).

Anak-anak yang tidak hadir ke sekolah berada di rumah dengan pengetahuan ibu bapa. Sikap ibu bapa yang terlalu ikut kata-kata anak dan sikap terlalu manjakan anak menyebabkan anak-anak tidak hadir ke sekolah. Justeru, boleh andaikan bahawa salah satu punca ponteng adalah kemerosotan dari segi asuhan, didikan, bimbingan dan kawalan yang dirumuskan sebagai asuhan oleh ibu bapa. Tambahan pula, dengan penularan jangkitan Covid-19 ibu bapa khuatir dan mengambil keputusan tidak menghantar anak mereka ke sekolah.

Dalam kajian (Maynard et al., 2013), ditakrifkan penglibatan ibu bapa di rumah dan di sekolah melibatkan tingkah laku langsung dan tidak langsung. Penyelidikan membuktikan bahawa isu ponteng sekolah adalah masalah yang paling utama dihadapi oleh sekolah rendah dan sekolah menengah mempengaruhi semua masyarakat dan komuniti walaupun terdapat perbezaan pendapatan dan status sosioekonomi.

Sikap sebilangan ibu bapa yang terlalu manja terhadap anak sehingga mengikut kata-kata anak yang tidak mahu bersekolah. Johari Hassan & Nik Selma menyatakan bahawa hasil tinjauan kajian yang dijalankan didapati ibu bapa menyuruh anak untuk menjaga adik beradik yang tidak bersekolah di rumah setelah ibu bapa mereka keluar bekerja. Tanggungjawab ibu bapa yang paling utama kepada anak adalah menghantar anak ke sekolah untuk mendapatkan ilmu. Menurut Nosiah, (2014) setiap ibu bapa harus dilengkapi dengan ilmu keibubapaan kerana ilmu tersebut dapat membantu atau membimbing ibu bapa untuk membentuk dan mendidik anak dengan lebih sempurna. Hasil kajian M.J. Van Breda (2014) menunjukkan bahawa responden, terutama mereka yang tampil sebagai ponteng kelas, berpendapat bahawa ibu bapa mereka umumnya menunjukkan sikap yang tidak bertanggungjawab terhadap pendidikan mereka. Adalah disarankan agar kesedaran ibu bapa dan gaya asuhan ibu bapa perlu dipertingkatkan dalam meningkatkan kehadiran anak ke sekolah.

Gaya asuhan ibu bapa diklasifikasikan kepada beberapa jenis. Baumrind (1971), menjelaskan gaya asuhan ibu bapa terbahagi kepada tiga jenis iaitu autoritatif, autoritarian dan permisif. Manakala Maccoby dan Martin (1983), menyatakan gaya

keibubapaan terdiri daripada 4 jenis iaitu gaya keibubapaan autoritatif, gaya keibubapaan autoritarian (*diciplinarian*), gaya keibubapaan permisif (*indulgent*) dan gaya keibubapaan yang lalai (*neglectful*).

#### Autoritatif (*Authoritative*)

Gaya keibubapaan autoritatif dicirikan oleh permintaan yang tinggi (*High Demandingness*) dan tanggungjawab yang tinggi (*High Responsiveness*). Ibu bapa yang autoritatif mempunyai tanggungjawab yang tinggi terhadap keperluan emosi anak sambil mempunyai harapan yang tinggi. Mereka menetapkan had dan sangat konsisten dalam menegakkan batas. Selepas beberapa dekad penyelidikan, pakar perkembangan anak menyedari bahawa gaya keibubapaan autoritatif adalah gaya keibubapaan yang terbaik di antara empat gaya keibubapaan Baumrind (1971); Maccoby dan Martin (1983). Gaya keibubapaan ini secara amnya memberi hasil yang terbaik pada anak-anak. Ibu bapa yang mengamalkan gaya autoritatif cenderung mempunyai anak yang mencapai kejayaan akademik yang lebih tinggi, aktif dalam aktiviti sekolah, membangunkan harga diri yang baik, berinteraksi dengan rakan sebaya menggunakan kemahiran sosial yang kompeten dan mempunyai kesihatan mental yang lebih baik misalnya kurang kemurungan, kegelisahan, cubaan bunuh diri, kenakalan, alkohol, dan penggunaan dadah.

#### Autoritarian (*Authoritarian*)

Ibu bapa yang tegas (*High Demandingness*) dan tanggungjawab yang rendah (*Low Responsiveness*) adalah dua ciri ibu bapa yang autoritarian. Walaupun gaya keibubapaan autoritarian dan autoritatif mempunyai nama yang hampir sama tetapi terdapat beberapa perbezaan yang penting dalam kepercayaan ibu bapa terhadap anak, permintaan dan pendekatan yang digunakan. Komunikasi di antara ibubapa dan anak hanya sehala melalui peraturan dan pesanan. Ibu bapa memberi keutamaan terhadap disiplin yang ketat dan sering memberi hukuman yang berat sebagai cara untuk mengawal tingkah laku anak-anak. Ibu bapa yang autoritarian tidak bertanggungjawab terhadap keperluan anak-anak mereka dan umumnya tidak memberi kasih sayang. Anak-anak yang ibu bapanya mempunyai gaya keibubapaan autoritarian tidak

gembira, kurang berdiskusi, mempunyai harga diri yang rendah, lebih banyak masalah tingkah laku, prestasi dalam pencapaian akademik sangat rendah dan mempunyai kemahiran sosial yang kurang baik.

#### Permisif (*Indulgent*)

Ibu bapa yang kurang permintaan (*Low Demandingness*) dan lebih bertanggungjawab (*high responsiveness*) adalah gaya keibubapaan permisif. Ibu bapa tidak suka mengecewakan anak mereka. Ibu bapa sangat memanjakan anak. Gaya keibubapaan permisif memberi hasil yang buruk terhadap ciri-ciri anak seperti tidak dapat mengikuti peraturan, tidak boleh kawal diri, mempunyai kecenderungan egosentrik, menghadapi lebih banyak masalah dalam hubungan dan interaksi sosial.

#### Pengabaian (*Neglectful*)

Gaya keibubapaan yang lalai juga dikenali sebagai gaya keibubapaan yang tidak terlibat. Ibu bapa yang mengamalkan gaya ini tidak mempedulikan keperluan anak dan dibiarkan tanpa sebarang bimbingan dalam kehidupan mereka. Anak-anak yang dibesarkan oleh ibu bapa yang lalai lebih impulsif, tidak dapat mengawal emosi sendiri, nakal dan mudah ketagih.

Berdasarkan kajian Maynard et al. (2014), Hubungan kekeluargaan masih diambil kira sebagai faktor penyebab masalah selain daripada faktor rakan sebaya dan persekitaran kerana pelanggan sehari-hari adalah murid sekolah rendah. Kesedaran adalah keadaan sedar akan sesuatu. Lebih khusus lagi, adalah kemampuan untuk mengetahui dan merasakan atau mengetahui peristiwa. Kesedaran membawa kewaspadaan, perhatian terhadap apa yang sedang terjadi dan yang lebih penting adalah berhati-hati terhadap kejadian dalam pemikiran.

Ibu bapa mengambil ringan ketidakhadiran anak ke sekolah dengan beranggapan tidak akan membawa apa-apa kesan kerana anak mereka masih kecil lagi.

Ibu bapa yang mempunyai tahap pendidikan yang rendah, tidak sedar anak mereka tidak mampu mengikuti pelajaran dengan sempurna akibat ponteng. Apabila sikap ponteng ini berterusan anak mereka menjadi lemah atau kehilangan minat untuk belajar sebagai akibat tidak mampu bersaing dengan sesama rakan yang lebih.

Semua pihak harus berganding bahu dan memainkan peranan dalam membanteras masalah ponteng. Mungkin dalam masa terdekat masalah ini kesannya tidak berapa dirasai. Tetapi dalam jangka masa panjang isu ponteng ini memberi impak yang negatif ke atas generasi muda yang merupakan aset negara yang tidak ternilai harganya. Sekiranya gejala ini tidak diberi tumpuan dalam mengambil langkah pencegahan dari peringkat sekolah rendah, ia akan berterusan sehingga ke sekolah menengah. Di samping, masa depan generasi muda terancam apabila masalah ini menjadi lebih serius di negara kita.

### **1.3 Peryataan Masalah**

Sejak kebelakangan kes ponteng di sekolah rendah juga semakin menular. Penularan kes ponteng dalam kalangan murid sekolah rendah amat membimbangkan semua pihak. Sikap ibu bapa yang sambil lewa tentang kepentingan anak akan menyebabkan masalah ponteng sekolah dalam kalangan murid sekolah rendah. Menurut laporan unit hal ehwal murid Sekolah Kebangsaan Batu 3 Kluang, murid dan ibu bapa menjadikan alasan seperti tiada pengangkutan, urusan keluarga, masalah keluarga dan sakit sebab tidak hadir ke sekolah.

Banyak kajian-kajian lepas berkenaan ponteng dan gaya keibubapaan telah dilaksanakan (Diana Wulandari, 2018; Norsiah, 2014). Kajian-kajian berkenaan ponteng lebih berfokus kepada sekolah menengah. Justeru, isu ponteng dalam



kalangan murid sekolah rendah wajar dikaji dalam usaha melihat hubungan antara gaya keibubapaan dengan ponteng. Kajian terhadap isu ponteng di sekolah rendah memang terhad. Isu ponteng dalam kalangan murid sekolah lebih menunjukkan kealpaan tanggungjawab ibu bapa terhadap anak dan kekurangan ilmu keibubapaan dalam proses pembentukan anak (Norsiah, 2014). Ini merupakan petanda utama perlunya kajian dalam bidang ini untuk mengenal pasti hubungan antara gaya keibubapaan dengan isu ponteng di sekolah rendah.

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk melihat sejauh manakah persoalan gaya ibu bapa mempunyai kesan tertentu terhadap masalah ponteng khususnya di sekolah rendah. Kajian ini akhirnya cuba mendapat jawapan sejauh manakah gaya ibu bapa mendorong kepada masalah ponteng semakin meruncing di sekolah-sekolah rendah.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif umum kajian adalah untuk mengenal pasti hubungan antara gaya keibubapaan dengan ponteng dalam kalangan murid sekolah rendah.

- 1.4.1 Mengetahui peratus ponteng dalam kalangan murid sekolah rendah mengikut surat amaran .
- 1.4.2 Mengetahui jenis-jenis gaya keibubapaan (autoritatif, autoritarian, permisif, pengabaian) yang diamalkan oleh ibu bapa murid sekolah rendah.
- 1.4.3 Mengetahui hubungan di antara gaya keibubapaan dengan ponteng dalam kalangan murid sekolah rendah.

## **1.5 Persoalan Kajian**

Berdasarkan objektif kajian yang telah disenaraikan, persoalan kajian yang dibentuk adalah seperti berikut:

- 1.5.1 Berapakah peratus ponteng dalam kalangan murid sekolah rendah mengikut surat amaran?
- 1.5.2 Apakah jenis gaya keibubapaan (autoritatif, autoritarian, permisif, pengabaian) yang diamalkan oleh bapa murid sekolah rendah yang paling dominan?
- 1.5.3 Apakah jenis gaya keibubapaan (autoritatif, autoritarian, permisif, pengabaian) yang diamalkan oleh ibu murid sekolah rendah yang paling dominan?
- 1.5.4 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan autoritatif bapa dengan ponteng?
- 1.5.5 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan autoritatif ibu dengan ponteng?
- 1.5.6 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan autoritarian bapa dengan ponteng?
- 1.5.7 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan autoritarian ibu dengan ponteng?
- 1.5.8 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan permisif bapa dengan ponteng?
- 1.5.9 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan permisif ibu dengan ponteng?
- 1.5.10 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan pengabaian bapa dengan ponteng?
- 1.5.11 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan pengabaian ibu dengan ponteng?

## 1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis null dibentuk untuk mencapai objektif kajian adalah seperti berikut:

**H<sub>01</sub>:** Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan autoritatif bapa dengan ponteng.

**H<sub>02</sub>:** Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan autoritatif ibu dengan ponteng

**H<sub>03</sub>:** Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan autoritarian bapa dengan ponteng.

**H<sub>04</sub>:** Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan autoritarian ibu dengan ponteng

**H<sub>05</sub>:** Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan permisif bapa dengan ponteng.

**H<sub>06</sub>:** Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan permisif ibu dengan ponteng.

**H<sub>07</sub>:** Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan pengabaian bapa dengan ponteng.

**H<sub>08</sub>:** Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan pengabaian ibu dengan ponteng.

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Kajian ini secara amnya bertujuan untuk mengenal pasti hubungan gaya keibubapaan dengan masalah ponteng di sekolah rendah. Hasil kajian ini boleh menjadi panduan bahawa masalah ponteng ini dalam kalangan murid sekolah rendah dapat berkurang apabila pengamalan gaya keibubapaan sesuai dengan anak. Hasil kajian ini juga sedikit sebanyak dapat memberikan gambaran kepada pihak tertentu bagaimana gaya keibubapaan mendorong murid ke arah ponteng sekolah. Maklumat yang diperolehi melalui kajian ini dapat membantu guru kaunseling sekolah dalam merancang program intervensi yang sesuai bagi mempertingkatkan peratus kehadiran murid ke sekolah.

## **1.8 Skop Dan Batasan Kajian**

Skop kajian ini memberi fokus kepada masalah ponteng di sekolah rendah dan hubungannya dengan gaya keibubapaan. Kajian ini tertakluk kepada beberapa batasan tertentu seperti berikut:

- 1.8.1 Kajian ini tertumpu pada sekolah kebangsaan di Zon Paloh dalam daerah Kluang.
- 1.8.2 Sampel terdiri daripada murid-murid tahun 5 dari 3 buah Sekolah Kebangsaan di Zon Paloh dalam Daerah Kluang.

## 1.9 Kerangka Teori Kajian

Kerangka teori kajian ini menggunakan dua teori asas iaitu teori gaya keibubapaan dengan menggunakan Teori (Baumrind, 1971; Maccoby dan Martin, 1983). Teori Baumrind (1971, 1989, dan 1991) terdapat hubungan yang erat antara jenis gaya keibubapaan dan tingkah laku anak-anak. Gaya keibubapaan yang berbeza boleh menyebabkan perkembangan anak dan hasil anak yang berbeza. Pada awalnya, Baumrind mengenal pasti tiga jenis gaya keibubapaan iaitu gaya keibubapaan autoritatif, gaya keibubapaan autoritarian dan gaya keibubapaan permisif melalui pemerhatian, temu ramah dan analisis yang luas. Walaupun Diana Baumrind terkenal dengan kerjanya dalam mengkategorikan gaya keibubapaan, Maccoby dan Martin (1983) mengembangkan model gaya keibubapaan ini menggunakan dua dimensi. Gaya keibubapaan permisif Baumrind menjadi dua jenis: pengasuhan permisif (juga dikenali sebagai gaya keibubapaan *indulgent*) dan gaya keibubapaan yang lalai (juga dikenali sebagai gaya keibubapaan yang tidak terlibat).

Baumrind (1971, 1989, dan 1991) dan Maccoby dan Martin (1983) menggariskan tuntutan dan responsif sebagai dua dimensi bebas keibubapaan. Menuntut merujuk kepada sejauh mana ibu bapa menunjukkan kawalan, kuasa penegasan, tuntutan kematangan, dan pengawasan dalam keibubapaan mereka. Responsif merujuk kepada sejauh mana ibu bapa menunjukkan kepada anak-anak mereka kehangatan afektif, ekspresi emosi, penerimaan, dan sokongan. Berdasarkan tahap tuntutan dan responsif ibu bapa, empat gaya keibubapaan telah dijelaskan (Baumrind, 1991; Maccoby & Martin, 1983): berwibawa (baik menuntut dan responsif), autoritarian (menuntut tetapi tidak responsif), permisif (responsif tetapi tidak menuntut), dan lalai (tidak menuntut atau tidak responsif). Setiap jenis keibubapaan dipercayai mempengaruhi ciri kesempurnaan anak secara berbeza.

Penyelidikan Maccoby dan Martin (1983), tertumpu pada konfigurasi gaya keibubapaan dan didapati hubungan ibu bapa lebih rendah dengan perkembangan kanak-kanak. Manakala, Baumrind (1967, 1971, 1989, 1991) dalam kajiannya

mengeluarkan pernyataan yang sebaliknya dengan Maccoby dan Martin (1983), setelah mempelajari secara luas perkaitan antara gaya keibubapaan dan perkembangan anak (Kuppens & Ceulemans, 2019). Menurut (Wulandari, Jun Choi, & Narawi, 2018), gaya keibubapaan yang berwibawa (*authoritative*) mempunyai pengaruh yang kuat terhadap sikap dan tingkah laku murid. Gaya keibubapaan jenis ini menekankan sikap terbuka dan perhubungan di antara ibubapa dan anak sangat baik untuk membentuk personaliti anak-anak. Gaya keibubapaan ini turut memainkan peranan dalam membentuk watak dan komitmen serta kepercayaan terhadap anak. (Raffar, Hamjah, & Ismail, 2019).

Oleh itu, gaya keibubapaan adalah kunci yang tepat dalam memastikan institusi keluarga stabil berfungsi serta mengelakkan anak-anak terlibat dengan masalah ponteng (Amran & Basri, 2020).


### **1.10 Kerangka Konseptual Kajian**

Kerangka konseptual dalam kajian ini dibina bagi melihat hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dikaji. Ini menunjukkan bahawa pemboleh ubah tidak bersandar mempunyai hubungan dengan pemboleh ubah bersandar masalah ponteng di sekolah rendah. Kerangka konseptual kajian ini dirangka berpandukan teori Baumrind untuk mengkaji gaya keibubapaan.

Kajian yang berbentuk deskriptif ini menggunakan kaedah tinjauan di mana maklum balas atau jawapan daripada murid-murid yang ponteng sekolah. Maklum balas daripada murid diperlukan untuk mengenalpasti gaya keibubapaan ibu bapa mereka. Maklum balas mereka juga akan digunakan untuk mengenal pasti gaya

keibubapaan (autoritatif, autoritarian, permisif dan pengabaian) yang manakah signifikan ke arah masalah ponteng sekolah dalam kalangan murid sekolah rendah terhadap masalah ponteng sekolah. Seperti yang ditunjukkan di Rajah 1.1 gaya keibubapaan secara tidak langsung memberi kesan terhadap kehadiran murid ke sekolah atau ponteng sekolah.

**Rajah 1.1 Kerangka konseptual kajian hubungan gaya keibubapaan dengan ponteng**



### 1.11 Definisi Konsep Dan Operasional

Dalam konteks kajian ini, beberapa istilah yang sering digunakan dalam kajian ini didefinisikan agar pembaca lebih faham tentang konsep yang dikaji.

### **1.11.1 Ponteng sekolah**

Dalam Kamus Pelajar Bahasa Melayu Dewan (2016), perkataan ponteng didefinisikan memonteng meninggalkan tugas, tanggungjawab, pelajaran tanpa kebenaran. Menurut Wikipedia, ponteng merupakan istilah yang digunakan bagi merujuk kepada apa jua kegagalan menghadiri kelas di sekolah secara sengaja tanpa alasan yang munasabah. Istilah ponteng sesuai digunakan bagi ketidakhadiran yang berpunca daripada keinginan murid itu sendiri. Ponteng juga merujuk kepada pelajar yang bersekolah tetapi tidak menghadiri kelas, sama ada satu kelas, beberapa kelas atau semua kelas dalam satu hari. Menurut (Aziz Yahya, Yahaya, Hashim, Ramli, & Krishnan, 2011), ponteng sekolah dimaksudkan, di mana pelajar yang biasanya keluar dari rumah dengan memakai pakaian sekolah tetapi mereka tidak ke sekolah. Sebenarnya, ada di antara mereka yang akan melepak di pusat membeli-belah, kedai siber dan di rumah kosong yang agak jauh.

Di dalam kajian ini, murid yang tidak hadir ke sekolah tanpa sebab tiga hari berturut-turut dan tujuh hari berselang-selang dianggap murid yang terlibat dengan masalah ponteng. Murid yang mempunyai status ponteng seperti diatas akan menerima surat amaran pertama. Seterusnya, murid tidak hadir tujuh hari berturut-turut dan 20 hari bukan berturut-turut akan dihantar surat amaran kedua. Surat amaran terakhir dihantar selepas tujuh hari surat amaran dikeluarkan sekiranya tidak terdapat sebarang maklumbalas daripada ibu bapa setelah menerima surat amaran kedua.

### **1.11.2 Gaya keibubapaan**

Selama beberapa dekad, keibubapaan dicirikan dari segi gaya global yang luas, dengan keibubapaan yang berwibawa atau autoritatif dilihat paling bermanfaat untuk perkembangan anak-anak. Kebimbangan dengan kepekaan yang lebih besar terhadap variasi budaya dan kontekstual telah menyebabkan kekhususan yang lebih besar dalam



mendefinisikan keibubapaan dari segi dimensi keibubapaan yang berbeza dan pertimbangan yang lebih besar mengenai peranan kepercayaan ibu bapa dalam memoderasi hubungan antara keibubapaan dan penyesuaian (Smetana, 2017).

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), perkataan gaya bermaksud sikap, kesukaan, ketaksukaan dan cara berkelakuan yang menjadi ciri seseorang. Tambahan pula, istilah asuhan didefinisikan peliharaan, didikan dan jagaan. Asuhan merupakan satu elemen yang merangkumi aspek memberi tunjuk ajar, membimbing, mengawas dan membesarkan. Manakala mengasuh pula bererti menjaga dan mendidik anak kecil. Seterusnya, keibubapaan ditakrifkan sebagai kaedah, gaya, kemahiran dan keterampilan menjadi ibu bapa. Secara umumnya, gaya didikan ibu bapa meliputi kaedah dan bagaimana mereka mengasuh, mengajar, memelihara, mendidik, melatih dan menjaga anak. Menurut Baumrind (1971); Maccoby dan Martin (1983), gaya asuhan ibu bapa adalah terbahagi kepada empat jenis iaitu gaya autoritatif, gaya authoritarian, gaya permisif dan pengabaian.

Ibu bapa yang mengamalkan gaya keibubapaan authoritarian adalah ibu bapa mempunyai sifat kawalan yang tinggi, tetapi kurang dalam tanggungjawab. Seterusnya, ibubapa yang mengamalkan gaya keibubapaan autoritatif suka untuk mengawal dan bertanggungjawab terhadap anak-anak mereka. Gaya keibubapaan ini bersifat rasional dan demokratik dapat membentuk anak-anak yang berfikiran positif. Gaya keibubapaan permisif juga adalah kepada ibu bapa mesra dan masalah, lemah dalam kawalan dan akan membuat anak-anak terlalu banyak dan memerlukan permintaan yang tinggi. Menurut Baumrind (1991), ibu bapa permisif percaya dalam autonomi individu. Sementara, gaya keibubapaan pengabaian yang tidak terlibat dalam kehidupan anak.

Dalam kajian ini, gaya keibubapaan akan diukur berdasarkan empat jenis dimensi iaitu gaya autoritatif, gaya authoritarian, gaya permisif dan pengabaian. Gaya keibubapaan autoritatif diukur berdasarkan aspek keterbukaan ibu bapa dalam

menerima pendapat anak dan memberi kebebasan untuk melakukan sesuatu aktiviti sosial bersama rakan sebaya.

Manakala, dimensi autoritarian akan diukur berdasarkan kepada aspek yang berkaitan dengan pengawalan ibu bapa terhadap anak-anak seperti mengawal anak mereka, memukul anak mereka apabila didapati membuat kesalahan dan menentukan semua keputusan untuk anak-anak mereka. Sedangkan dimensi permisif diukur berdasarkan aspek seperti sikap keterbukaan minda ibubapa terhadap akademik anak, memberi peluang pada anak untuk menguruskan hal diri mereka sendiri dan kebebasan untuk bergaul dengan rakan-rakan sebaya. Sementara dimensi pengabaian diukur berdasarkan sikap tidak peduli dalam kehidupan anak.

### **1.11.3 Murid**

Perkataan murid berasal dari perkataan Perancis Lama "pupille" yang berasal dari kata Latin "pupillus" yang bermaksud "anak yatim, kecil, atau bangsal. Dalam Kamus Pelajar Edisi kedua (2016), perkataan murid didefinisikan sebagai orang atau anak yang sedang belajar. Istilah 'murid' digunakan untuk merujuk kepada kanak-kanak yang bersekolah di peringkat rendah. Di dalam kajian ini, pengkaji memberi fokus kepada murid-murid sekolah rendah. Pengkaji memilih murid sekolah rendah kerana konsep ponteng di sekolah rendah berbeza dibandingkan dengan sekolah menengah. Mereka masih memerlukan dorongan ibu bapa.

## **1.12 Kesimpulan**

Kajian ini melihat adakah gaya keibubapaan memberi kesan terhadap masalah ponteng dalam kalangan murid sekolah rendah. Bab ini juga membincangkan tentang objektif kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, hipotesis kajian dan kepentingan kajian sebagai tahap yang tepat agar kajian ini dapat dilakukan dengan baik. Pada akhir bab ini, definisi bagi istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini turut diberikan.

## RUJUKAN

- Amran, M. S., & Basri, N. A. (2020). Investigating the Relationship between Parenting Styles and Juvenile Delinquent Behaviour. *Universal Journal of Educational Research*, 8(11A), 25-32.
- Aqeel, M., Anjum, U., Jami, H., Hassan, A., & Sadia, A. (2016). Perceived parental school involvement and problems faced by students: Comparison of truant and punctual students. *Pakistan Journal of Psychological Research*, 241-265.
- Barber, B. K., & Harmon, E. L. (2002). Violating the self: Parental psychological control of children and adolescents.
- Baumrind., D. (1968). Authoritarian vs. authoritative parental control. *Adolescence*, 3(11), 255–272.
- Baumrind, D. (1971). Current patterns of parental authority. *Developmental Psychology*, 4(1p2), 1.
- Baumrind, D. (1991a). Parenting style and adolescent development. In R. Brook-Gunn & A. Petersen (Eds.), *The encyclopedia of adolescent*. New York: Garland
- Beato, A., Pereira, A. I., Barros, L., & Muris, P. (2016). The relationship between different parenting typologies in fathers and mothers and children's anxiety. *Journal of Child and family Studies*, 25(5), 1691-1701.
- Bezrukova, O., & Samoylova, V. (2015). The Authoritarian Syndrome in Attitudes and Educational Practices of Russian Parents. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 165, 234-240.
- Breda, M. J. v. (2014). Truants' perceptions of family factors as causes of school truancy and non-attendance. *Journal of Psychology*, 5(1), 47-53.
- Buri, J.R. (1991). Parental Authority Questionnaire, *Journal of Personality and Social Assessment*, 57, 110-119
- Carter, D. K., & Lally, S. J. (2014). Charting the challenging path toward establishment of parenting coordination's efficacy.
- Changalwa. C. N., Ndurumo, M. & Poipoi, M. (2012). Relationship between parenting styles and alcohol abuse in college. *Greener Journal of education research*, 13 (25), 98 – 340

- Coste, B. (2015). Positive parenting: Practicle advice and deep insights. Retrieved from <http://www.positive-parenting-ally.com/3-parenting-styles.html>
- Darling, N., & Steinberg, L. (1993). Parenting style as context: An integrative model. *Psychological bulletin*, 113(3), 487.
- Desa, A., Yusoooff, F., Zamani, Z. A., & Sani, M. N. M. (2015). Kemahiran Keibubapaan, Kefungsian Keluarga Dan Kesejahteraan Psikologi Dalam Kalangan Ibubapa (Parenting Skills, Family Functioning And Psychological Well-Being Among Parents). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 29(2).
- Donkor, A. K., & Alhassan, A. (2018). Training teachers to manage truancy at Savelugu West Circuit of education in Northern Ghana.
- Effrim, & Kobina, P. (2019). *Exploring the Parenting Style and Truancy Behaviour of Primary School Pupils in Lagos State , Nigeria*.
- Farrall, S., Gray, E., & Mike Jones, P. (2020). The role of radical economic restructuring in truancy from school and engagement in crime. *The British Journal of Criminology*, 60(1), 118-140.
- Fraenkel, J. R. dan Wallen, Norman E (2009). How to design and evaluate research in education, 445-447.
- Gangai, K. N. (2014). Absenteeism At Workplace: What Are The Factors Influencing To It?
- Garcia, O. F., & Serra, E. (2019). Raising children with poor school performance: Parenting styles and short-and long-term consequences for adolescent and adult development. *International journal of environmental research and public health*, 16(7), 1089.
- Hair, J. F., Hult, G. T. M., Ringle, C. M., and Sarstedt, M. 2017. A Primer on Partial Least Squares Structural Equation Modeling (PLS-SEM). 2nd Ed. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Harry, M. (2010). *Faktor-faktor yang mempengaruhi gejala ponteng dalam kalangan pelajar sekolah menengah Daerah Keningau, Sabah*. Universiti Utara Malaysia.
- Heberle, A. E., Briggs-Gowan, M. J., & Carter, A. S. (2015). A person-oriented approach to identifying parenting styles in mothers of early school-age children. *Infant and Child Development*, 24(2), 130-156.
- Ismail, A. M., Salleh, S. M., & Jemali, M. (2016). Analisis bentuk didikan ibu bapa bagi membentuk sahsiah cemerlang: kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan

- Pulau Sebang, Alor Gajah, Melaka. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 8(2), 1-10.
- Jadon, P. S., & Tripathi, S. (2017). Effect of authoritarian parenting style on self esteem of the child: A systematic review. *International Journal of Advance Research and Innovative Ideas in Education*, 3(3), 909-913.
- Keppens, G., Spruyt, B., & Dockx, J. (2019). Measuring School Absenteeism: Administrative Attendance Data Collected by Schools Differ From Self-Reports in Systematic Ways. *Frontiers in Psychology*, 10(2623). doi:10.3389/fpsyg.2019.02623
- Krejcie, R. V, & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Education and Psychological Measurement*, 30, 607–610. <http://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- Kuppens, S., & Ceulemans, E. (2019). Parenting styles: A closer look at a well-known concept. *Journal of Child and family Studies*, 28(1), 168-181.
- Lamborn, S. D., Mounts, N. S., Steinberg, L., & Dornbusch, S. M. (1991). Patterns of competence and adjustment among adolescents from authoritative, authoritarian, indulgent, and neglectful families. *Child development*, 62(5), 1049-1065.
- Lapite, A. O. (2018). Exploring the Parenting Style and Truancy Behaviour of Primary School Pupils in Lagos State, Nigeria., 1.
- Levin, E. (2011). Baumrind's Parenting Styles. In S. Goldstein & J. A. Naglieri (Eds.), *Encyclopedia of Child Behavior and Development* (pp. 213-215). Boston, MA: Springer US.
- Low, S. F. (2011). *Pembinaan dan pengujian model pencapaian akademik pelajar Tingkatan Empat di Daerah Klang/Low Suet Fin*. University of Malaya.
- Maccoby, E. M. (1990). *Social Development: Psychological Growth and the Parent–child Relationship*. New York, NY: Harcourt Brace Jovanovich.
- Maccoby, E. E., & Martin, J. A. (1983). Socialization in the context of the family: Parent-child interaction. In P. H. Mussen (Series Ed.) & E. M. Hetherington (Vol. Ed.), *Handbook of Child Psychology: Vol. IV. Socialization, Personality and Social Development* (4th Ed., pp. 1-101).
- Majzub, R. M., Adnan, A. M., & Yassin, S. M. (2017). Global Readiness among Preschools Children in Malaysia. *International Journal of Education and Practice*, 5(8), 118-126.

- Munyi, E. W. (2013). *Influence of parenting styles on academic performance of adolescents in secondary schools: a case of Manyatta constituency, Embu county*. University of Nairobi.
- Noor, Z. (2015). Penderaan Kanak-Kanak oleh Ibu Bapa atau Penjaga dan Implikasinya Mengikut Undang-Undang Sivill dan Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 7(2), 66-80.
- Ocak, G., Ocak, İ., & Baysal, E. A. (2017). The causes of absenteeism of high school students. *European Journal of Education Studies*.
- Ofosu-Asiamah, D. K. (2013). *Examining the effects of parenting styles on academic performance of Senior High School students in the Ejisu-Juaben Municipality, Ashanti Region*.
- Othman, N., & Khairollah, S. (2013). Explorasi Hubungan antara Personaliti Islamik dan Gaya Keibubapaan/Exploring the Relationship between Islamic Personality and Parenting Style. *International Journal of Islamic Thought*, 4, 48.
- Rauf, K., & Ahmed, J. (2017). The relationship of authoritarian parenting style and academic performance in school students. *Pakistan Journal of Psychology*, 48(2), 61-71.
- Ruchkin, V. V., Eisemann, M., Kuposov, R. A., & Hägglöf, B. (2000). Family functioning, parental rearing and behavioural problems in delinquents. *Clinical Psychology & Psychotherapy: An International Journal of Theory & Practice*, 7(4), 310-319.
- Rohaty, M.M., Adnan, M. Sophia, M. Y, Global Readiness Among Preschools Children in Malaysia. *International Journal of Education and Practice*. 2017. 5(8): 118-126.
- Rosh, N. A (2014). Effect of parenting styles on children's emotional and behavioural problem among different ethnicities of Muslim children in the U.S.Pt.2), 1-103New York: Wiley.
- Rosli, N. A. (2014). *Effect of parenting styles on children's emotional and behavioural problems among different ethnicities of Muslim children in the US*: Marquette University.

- Sahithya, B. R., Manohari, S. M., & Vijaya, R. (2019). Parenting styles and its impact on children – a cross cultural review with a focus on India. *Mental Health, Religion & Culture*, 22(4), 357-383. doi:10.1080/13674676.2019.1594178
- Saidi, Z. A. (2016). *Faktor Dan Peranan Institusi Keluarga Dalam Mencegah Salahlaku Dan Devian Dalam Kalangan Remaja*. Paper presented at the Proceeding 7th International Seminar on Regional Education.
- Schaefer, E. S. (1959). A circumplex model for maternal behavior. *The Journal of Abnormal and Social Psychology*, 59(2), 226.
- Schober, P., Boer, C., & Schwarte, L. A. (2018). Correlation coefficients: appropriate use and interpretation. *Anesthesia & Analgesia*, 126(5), 1763-1768.
- Shah, I. M. (2004). Konsep sendiri dan pencapaian akademik golongan remaja: melihat sejauhmana gaya kepemimpinan ibu bapa sebagai moderator. *Jurnal Teknologi*, 40(1), 33-44.
- Simons, L. G., & Conger, R. D. (2007). Linking Mother–Father Differences in Parenting to a Typology of Family Parenting Styles and Adolescent Outcomes. *Journal of Family Issues*, 28(2), 212–241.
- Smetana, J. G. (2017). Current research on parenting styles, dimensions, and beliefs. *Current opinion in Psychology*, 15, 19-25.
- Steinberg, L. (1990). Autonomy, conflict, and harmony in the family relationship.
- Suboh, A., Azizi, N., & binti Hamzah, M. (2011). Masalah Salah Laku Agresif Di Kalangan Pelajar Sekolah Rendah Dan Hubungannya Dengan Gaya Keibubapaan Sekolah Menengah Kampung Baru, N. Sembilan. *Journal of Education Psychology & Counseling*, 1(3), 77-93.
- Sutphen, R. D., Ford, J. P., & Flaherty, C. (2010). Truancy interventions: A review of the research literature. *Research on social work practice*, 20(2), 161-171.
- Van Der Horst, K., & Sleddens, E. F. (2017). Parenting styles, feeding styles and food-related parenting practices in relation to toddlers' eating styles: A cluster-analytic approach. *PloS one*, 12(5), e0178149.
- Veloo, A., & Kim, N. C. (2014). Jenis Amaran Dan Faktor Ponteng Sekolah Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Sabah (Types Of Warning And Truancy Factors Among Secondary School Students In Sabah). *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 29, 125-139.



- Wulandari, D. (2018). *Hubungan gaya asuhan ibu bapa terhadap gejala ponteng menengah atas di bandar Malang Indonesia*. Universiti Utara Malaysia.
- Yaffe, Y. (2015). Parenting styles, parental involvement in school, and educational functioning of children with special needs integrated into mainstream education. *Journal of Studies in Education*, 5(4), 258-277.
- Yahaya, A., Hashim, S., & Hamzah, M. (2012). Masalah salah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan hubungannya dengan gaya keibubapaan. *Sains Humanika*, 58(1).